

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

NO. SOALAN : 178

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) Status jalan yang telah tersenarai dalam program jalan-jalan luar bandar di kawasan P.181 Tenom dan bilakah ianya akan dilaksanakan; dan
- (b) Status program bekalan elektrik luar bandar terhadap kampung-kampung yang telah tersenarai dan bilakah ianya bakal dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam RMKe-10 Kementerian telah melaksanakan empat (4) buah projek Jalan Luar Bandar di kawasan Tenom sepanjang 18.0km keseluruhannya dengan kos pelaksanaan berjumlah RM32.68 juta. Kesemua projek tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan siap sepenuhnya pada tahun 2013.

Bagi projek-projek di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar, Kementerian kini sedang melaksanakan 14 buah projek bekalan elektrik di pelbagai kampung di kawasan Tenom yang melibatkan kos berjumlah RM15.41 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 300 buah rumah.

Kementerian mengalu-alukan permohonan daripada Yang Berhormat sekiranya terdapat cadangan projek yang mempunyai keperluan mendesak untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun, kelulusan pelaksanaan adalah tertakluk kepada UPE, JPM.